

Dua Bahagian dilarang hadir

Perhimpunan agung Umno 19 Ogos ini

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Sabtu — Dua Bahagian Umno — Petaling, Kuala Muda — tidak dibenarkan menghantar perwakilan ke Perhimpunan Agung parti, 19 Ogos ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberitahu sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, kedua Bahagian melanggar perlembagaan parti bila mereka gagal mengadakan mesyuarat 30 hari sebelum perhimpunan.

Inilah pertama kali sesuatu Bahagian Umno tidak mengadakan mesyuarat tahunannya. Beberapa Bahagian lain pernah mengalami keadaan yang sama tapi hanya selepas digantung oleh ibu pejabat kerana pelbagai sebab.

Lewat terima laporan

Petaling membatalkan mesyuarat perkawilannya kerana kekecohan politik antara penyokong Ketua Bahagian, Raja Datuk Nong Chik dengan bekas Ketua Bahagian, Eneik Mazlan Harun.

Krisis itu berjaya diselesaikan setelah campur tangan Biro Politik Umno Selangor yang dipengerusikan oleh Menteri Besar, Datuk Haji Ahmad Razali. Tetapi, mesyuarat Bahagian tidak juga dapat diadakan.

Raja Datuk Nong Chik membatalkan hasratnya untuk mengadakan mesyuarat itu kerana beberapa alasan, termasuk lewat menerima laporan kewangan dari pentadbiran bahagian sebelumnya.

Kuala Muda pula bermesyuarat pada 23 Julai, iaitu terlewat empat hari. Alasan yang diberikan kepada Ibu Pejabat ialah tetamu yang hendak dijemput merasmikan mesyuarat itu tidak mempunyai masa lapang.

Alasan itu tidak diterima, kerana mengikut Perlembagaan Umno, mesyuarat perwakilan tidak perlu dirasmikan oleh sesiapa.

Bagaimanapun, kedua-dua Bahagian dibenarkan menghantar pemerhati ke perhimpunan agung yang akan dihadiri oleh 1,200 perwakilan.

Mesyuarat tiga jam itu juga memuktamadkan membahas empat usul, iaitu usul ucapan terima kasih Presiden (Perak), agama (Terengganu), Masalah Tanah (Pemuda) dan Pelajaran (Wanita).

Datuk Seri Mahathir berkatu Jawatankuasa Penapis Usul menerima 1,100 usul. Beliau diberitahu oleh pengerusi Jawatankuasa itu, Eneik Ghafar Baba, usul-usul yang diterima kali ini lebih bermutu kerana kebanyakannya berkait dengan masalah negara.

Pemuda Umno membawa usul masalah tanah kerana ia hangat diperbincangkan dalam masyarakat Melayu sekarang, terutama berhubung dengan tanah simpanan Melayu.

Presiden Umno itu juga mengumumkan penerimaan permohonan dari tiga ahli Pas untuk menyertai Umno. Mereka ialah Haji Harun Haji Yunus dan Hajah Khatijah Jais dari Tanjong Malim dan Haji Mohd Salleh dari Kota Bharu.